



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

PEMBENTANGAN DI DEWAN RAKYAT

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) MENGENAI PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN TAHUN 2022

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada hari ini, 6 Mac 2024 setelah mendapat perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
2. Pada hari ini juga, Ketua Audit Negara telah memberikan taklimat berhubung isu utama LKAN kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC).
3. Pembentangan LKAN di Dewan Rakyat adalah berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan. Pelaporan oleh Ketua Audit Negara mengenai akaun-akaun Persekutuan, negeri, pihak berkuasa awam dan akaun bagi badan lain adalah selaras dengan kuasa dan tugas yang diperuntukkan di bawah Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan.
4. Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2022 adalah turut berpandukan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan. Perkara ini bagi memastikan pengauditan dilaksanakan selaras dengan piawaian perakaunan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS), Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) bagi menghasilkan laporan yang berkualiti.
5. LKAN pada kali ini melaporkan perkara berikut:

5.1. Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022

Setakat 11 Januari 2024, sebanyak 140 daripada 144 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun 2022 telah dikemukakan untuk pengesahan Ketua Audit Negara. Daripada jumlah tersebut, 130 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2022 telah selesai pensijilan.

Sebanyak empat Agensi Persekutuan masih belum mengemukakan Penyata Kewangan tahun 2022 disebabkan gangguan rangkaian sistem kewangan dan kelewatan pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah.

Sebanyak 116 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2022 telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion). Seterusnya, 14 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan telah diberi Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion), iaitu 13 Pendapat Berteguran dan satu Pendapat Bertentangan.

Agensi Persekutuan yang lemah dari segi penyediaan penyata kewangan juga diberi perhatian dalam LKAN kali ini terutama yang mendapat Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Diubahsuai bagi tempoh tiga tahun berturut-turut, iaitu dari tahun 2020 hingga 2022. Antara lain, agensi-agensi ini tidak mematuhi piawaian perakaunan, penyelenggaraan rekod kewangan yang lemah dan mempunyai masalah sistem kewangan.

5.2. Analisis Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022

Daripada 130 penyata kewangan yang beraudit, perhatian khusus perlu diberi kepada prestasi kewangan Agensi Persekutuan bagi Lebihan atau Kurangan Semasa, Aset dan Liabiliti, Geran Kerajaan Persekutuan, Pinjaman serta Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari seperti berikut:

- a. 80 Agensi Persekutuan mencatatkan lebihan semasa berjumlah RM54.677 bilion dan 50 Agensi Persekutuan merekodkan kurangan semasa berjumlah RM4.570 bilion.
- b. 126 Agensi Persekutuan mempunyai jumlah aset lebih tinggi berbanding jumlah liabiliti manakala empat Agensi Persekutuan menunjukkan jumlah liabiliti yang lebih tinggi berbanding jumlah aset.
- c. 86 Agensi Persekutuan menerima geran mengurus dan pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM27.034 bilion, manakala 83 Agensi Persekutuan mempunyai baki geran pembangunan terkumpul yang belum dilunaskan berjumlah RM25.535 bilion.
- d. 10 Agensi Persekutuan mempunyai baki pinjaman tertinggi berjumlah RM122.388 bilion. Sebanyak empat daripada 10 agensi tersebut mempunyai baki pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM5.338 bilion. Manakala tiga daripada empat Agensi Persekutuan tersebut telah menjadualkan semula tempoh bayaran balik pinjaman.

- e. 53 Agensi Persekutuan mempunyai 234 syarikat subsidiari dengan nilai pelaburan berjumlah RM56.128 bilion. Daripada jumlah tersebut, 212 syarikat subsidiari berstatus aktif manakala 22 syarikat subsidiari berstatus dorman. Selain itu, 121 syarikat subsidiari mencatatkan keuntungan manakala 91 syarikat subsidiari mengalami kerugian. Hanya 66 daripada 212 syarikat subsidiari yang aktif telah membayar dividen kepada Agensi Persekutuan sejumlah RM1.910 bilion pada tahun 2022.

5.3. Fokus Utama Audit (Key Audit Area)

Laporan ini memberikan penekanan terhadap perkara material dan signifikan yang memberi kesan kepada prestasi kedudukan kewangan Agensi Persekutuan. Fokus Utama Audit bagi penyata kewangan tahun 2022 adalah berkaitan isu usaha berterusan (going concern), penjejasan nilai pelaburan dan pembayaran dividen kepada pencarum seperti berikut:

- a. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) menghadapi isu usaha berterusan (going concern) berdasarkan tahap keberhutangan dan kebergantungan kedua-dua agensi tersebut kepada bantuan Kerajaan (sama ada dalam bentuk geran, pinjaman atau jaminan).
 - b. Pelaporan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) adalah berkaitan penjejasan nilai pelaburan dalam dua syarikat subsidiari dan pembayaran dividen berasaskan keuntungan bukan tunai kepada pencarum.
6. Menerusi LKAN pada kali ini, Ketua Audit Negara telah mengemukakan 16 syor kepada Agensi Persekutuan bagi tujuan penambahbaikan. Antara lain, Ketua Audit Negara mengesyorkan:
- a. Ketua Agensi Persekutuan hendaklah mengemukakan Penyata Kewangan untuk diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan.
 - b. Memastikan geran dibelanjakan mengikut tujuan dalam tempoh yang ditetapkan.
 - c. Pinjaman yang dibuat oleh Agensi Persekutuan dijelaskan mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan supaya tidak membebankan Kerajaan Persekutuan yang perlu menanggung kos kewangan melebihi tempoh sepatutnya.
 - d. Mengkaji semula penubuhan syarikat subsidiari yang dorman, mengalami kerugian, dan tidak memberi pulangan yang sewajarnya.

7. Secara umumnya, LKAN melaporkan pengurusan kewangan dan tatakelola wang awam Agensi Persekutuan. Segala kelemahan dan ketidakpatuhan oleh mana-mana pihak yang diaudit akan dilaporkan bersama-sama dengan syor oleh Ketua Audit Negara bagi tujuan penambahbaikan pada masa akan datang.
8. LKAN mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022 dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangan di Dewan Rakyat. Orang awam boleh melayarinya di pautan <https://lkan.audit.gov.my>.
9. Buat julung kalinya, jenis Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan Agensi Persekutuan tahun 2022 dimuat naik melalui Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (Auditor General's Dashboard – AGD) di pautan <https://agdashboard.audit.gov.my/>.
10. Mulai tahun 2024, Jabatan Audit Negara melalui Akademi Audit Negara akan menganjurkan beberapa latihan berkaitan pemantapan pengurusan kewangan Agensi Persekutuan bagi menambah baik penyediaan penyata kewangan. Selain itu, Agensi Persekutuan perlu mempertingkatkan kawalan dalaman dan menambah baik sistem kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang.
11. Menerusi laporan pengauditan dan platform yang telah disediakan, Ketua Audit Negara berharap Kerajaan dan rakyat mendapat gambaran yang sebenar serta penjelasan yang telus mengenai pengurusan wang awam dan tatakelola yang diamalkan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan.

Ketua Audit Negara

6 Mac 2024



<https://lkan.audit.gov.my/>

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Ketua Unit Komunikasi Korporat Jabatan Audit Negara, Puan Siti Anisah Abdul Rafie melalui talian 03-80911791 / 019-2436153 atau e-mel kepada anisahrafe@audit.gov.my